

**Lampiran 1: Transkrip kabel BERNAMA pada hari
 pembubaran Parlimen 10 November 2000**

**(Lampiran 1.a) “Parlimen Bubar Esok Untuk Umum
 Pilihan Raya”**

Parlimen-Bubar/1 ***** PARLIMEN BUBAR ESOK UNTUK PILIHAN RAYA UNUM KUALA LUMPUR 10/11/93 10 NOVEMBER 1993

Parlimen-Bubar/1 *****
PARLIMEN BUBAR ESOK UNTUK PILIHAN RAYA UNUM

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Parlimen akan dibubarkan esok untuk membolehkan pilihan raya umum ke-10 negara diadakan, demikian Speaker Dewan Rakyat Tun Mohamed Zahir Imaih mengumumkan hari ini.

Zahir membuat pengumuman yang mengajukikan itu pada permulaan sesi petang persidangan Dewan Rakyat selepas waktu makan tengah hari pukul 2.30 petang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed sebelum ini telah dijadual mengadakan peridangan media di pejabatnya pukul 4 petang hari ini, apabila beliau dijangka mengumumkan pembubaran Parlimen.

Zahir berkata beliau menerima surat daripada Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pukul 12.45 tengah hari bagi memberitahu beliau mengenai perkenan diraja bagi pembubaran Parlimen.

Pengumuman pembubaran itu menamatkan spekulasi yang hangat diperkatakan sejak berbulan-bulan bahawa pilihan raya umum akan diadakan pada bila-bila masa, sebelum tamat penggal Parlimen sekarang pada Jun tahun depan.

-- LAGI 10/11/93 15-05NBT

Parlimen-Bubar 2 Kuala Lumpur
PARLIMEN BUBAR ESOK UNTUK PILIHAN RAYA UNUM -2

'Spekulasi itu semakin menjadi-jadi malam tadi apabila diumumkan bahawa Dr Mahathir membatalkan jadual lawatannya ke Afrika Selatan untuk menghadiri Mesyuarat Ketua Kerajaan Komunwel (COWGOM).

Menurut perlembagaan persekutuan, pilihan raya umum mesti diadakan sekali dalam setiap lima tahun dan dalam tempoh 60 hari selepas Parlimen dibubarkan.

Selepas pembubaran itu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah menghadap Yang di-Pertuan Agong pukul 8.30 pagi.

Selangjang kemudian Dr Mahathir pula tiba di Istana Negara. Dr Mahathir, yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN), menghadap Yang di-Pertuan Agong dipercayai untuk memaklumkan tentang keputusannya untuk membubarkan Parlimen dan mengadakan pilihan raya umum.

--- LAGI 10/11/93 15-05NBT

Seorang pegawai Istana berkata Timbalan Perdana Menteri memberi taktik kepada Seri Badawi mengenai perkara yang berkaitan dengan mesyuarat mingguan Kabinet hari ini, tugas yang biasanya dilakukan oleh Perdana Menteri sendiri.

Selepas menghadap Seri Paduka, Dr Mahathir dan Abdullah kelihatan meninggalkan Istana Negara dalam sebuah kereta untuk menghadiri mesyuarat Kabinet di Putrajaya.

Selepas mesyuarat Kabinet, Perdana Menteri mengadakan perjumpaan dengan para menteri besar dan ketua menteri.

Dr Mahathir juga dijadual mengadakan mesyuarat dengan pemimpin parti komponen BN pukul 3 petang, sejeurus sebelum mengadakan persidangan berita pada 4 petang.

BN merangkumi 14 parti komponen terdiri daripada Umno, MCA, MIC, Gerakan dan PPP di Semenanjung; Parti Liberal Demokratik, Akar Bersatu, Pertubuhan Pasokkomogon Kedependuan Bersatu, Parti Bersatu Rakyat Sabah dan Parti Maju Sabah di Sabah, dan Parti Pasaka-Bumiputera Bersatu, Parti Rakyat Bersatu Sarawak, Parti Bangsa Dayak Sarawak dan Parti Kebangsaan Sarawak di Sarawak.

PARLIMEN BUBAR ESOK UNTUK PILIHAN RAYA UNUM --

Menurut Suruhannya Pilihan Raya (SPR), sejumlah 3.7 juta pengundi berdaftar layak mengundi pada pilihan raya umum akan datang.

Pilihan raya umum yang lepas diadakan pada 24 dan 25 April, 1993 dengan jumlah pengundi yang lebih sedikit seribun juta orang dalam daftar pilihan.

Yang menjadi rebutan ialah 133 kerusi Parlimen, meningkat satu kerusi daripada jumlah pada pilihan raya 1993 ekoran pertambahan kawasan Nembong di Sarawak, dan 394 kerusi dewan undangan negeri di Semenanjung.

Pilihan raya bagi Dewan Undangan Negeri Sarawak dan Sabah diadakan berasingan. Pilihan raya negeri Sabah diadakan pada Mac tahun ini manakala bagi Sarawak ia hanya perlu diadakan tahun depan.

Pada pilihan raya umum 1993, BN memperoleh kemenangan besar dengan majoriti empat per lima daripada 162 kerusi Parlimen manakala pembangkang mendapat 30 kerusi.

Pada peringkat negeri, BN memenangi 338 kerusi manakala pembangkang 56 kerusi.

Keputusan pilihan raya 1993 menunjukkan Umno memenangi 89 kerusi Parlimen, MCA (30), MIC (10), Gerakan (10), PBS (10), PRDS (lima), SNAP (tiga), SUPP (dua), SUPP (dua), LDP (satu) dan seorang calon BN secara langsung dari Sarawak yang tidak mewakili mana-mana parti komponen BN.

Parlimen-Bubar 5 (Akhir) Kuala Lumpur PARLIMEN BUBAR ESOK UNTUK FILIHAN RAYA UNU 16:51:49 10 NOVEMBER 1999

Parlimen-Bubar 5 (Akhir) Kuala Lumpur
PARLIMEN BUBAR ESOK UNTUK FILIHAN RAYA UNU -5

Bagi pembangkang, pilihan raya 1995 menyaksikan DAP memperolehi jumlah kerusi Parlimen yang terbanyak dengan sembilan kerusi, diikuti oleh PAS (tujuh), Parti Melayu Semangat-46 (enam), dan PBS (Tapan).

Pada peringkat negeri, keputusan pada 1995 menunjukkan Umno memperolehi 230 kerusi, MCA (70), MIC (15) dan Gerakan (23).

Daripada 56 kerusi pembangkang pada pilihan raya 1995 ialah PAS (33), 346 (12), dan DAP (11).

Sehingga ini jumlah kerusi Parlimen yang dipegang oleh BN telah meningkat daripada 162 kepada 166, antaranya ekoran kemasukan anggota daripada pembangkang.

BN telah juga menambah jumlah kerusi dewan undangan negerinya daripada 338 kepada 349 sehingga ini, sebilangan besarnya daripada bekas anggota 346 yang menyertai Umno ekoran pembubaran parti itu.

-- BERNAMA

AU ES RYN NNO 10/11/99 16:55MST

(Lampiran 1.b) “Mesyuarat Jumaat Tetapkan Pilihan Raya”

SFR-Mesyuarat SFR MESYUARAT JUMAAT TETAPKAN TARIKH PILIHAN RAYA KUALA LUMPUR, 10 16:44:46 10 NOVEMBER 1999

SFR-Mesyuarat
SFR MESYUARAT JUMAAT TETAPKAN TARIKH PILIHAN RAYA

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Suruhanjaya Pilihanraya (SFR) akan bermesyuarat Jumaat ini untuk menetapkan tarikh bagi penamaan calon dan hari mengundi bagi pilihan raya umum ke-10.

Pengerusinya Datuk Omar Hashim berkata mesyuarat itu akan diadakan pada 10 pagi.

"SFR akan mencari tarikh yang sesuai untuk pilihan raya kali ini," katanya pada sidang berita ekoran pengumuman Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pembubaran parlimen esok.

Ferdana Menteri juga berharap pilihan raya dapat diadakan sebelum bulan puasa.

Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah telah berkenan membubarkan Parlimen berkuatkuasa esok untuk membolehkan pilihan raya umum ke-10 itu diadakan.

Mengikut peraturan, penamaan calon boleh diadakan sekurang-kurangnya empat hari selepas tarikh pembubaran Parlimen atau Dewan Undangan Negeri manakala tarikh untuk hari mengundi boleh ditetapkan seawal-awalnya tujuh hari selepas hari penamaan calon.

Omar berkata pilihan raya umum ke-10 akan menggunakan daftar pemilih 1998, yang disahkan pada 7 Jan tahun ini dengan mempunyai 3.7 juta pengundi.

-- LAGI

HS LAT MAI 10/11/99 16-48NST

(Lampiran 1.c)

**“Pilihan Raya Awal Elak Kegiatan Cemar
Ramadan”**

Mahathir-Pilihan raya "" PILIHAN RAYA AWAL ELAK KEGIATAN CEMAR RAMADAN,
KATA DR 16:40:20 10 NOVEMBER 1999

Mahathir-Pilihan raya ""
PILIHAN RAYA AWAL ELAK KEGIATAN CEMAR RAMADAN, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 10 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keputusan beliau membubarkan parlimen berkuatk kuasa esok bertujuan membolehkan pilihan raya umum diadakan sebelum Ramadan dan mengelak kegiatan kempen pilihan raya yang boleh mencemar bulan puasa itu.

Perdana Menteri berkata bahawa pada mulanya beliau bercadang untuk mengadakan pilihan raya selepas Hari Raya Puasa Januari tahun depan tetapi mendapat inspirasi baru semalam untuk membubarkan parlimen esok supaya pilihan raya umum dapat diadakan sebelum bermulanya puasa yang dijangka 9 Dis ini.

Bercakap pada sidang berita di Jabatan Perdana Menteri di sini selepas mengumumkan keputusannya untuk membubarkan parlimen, Dr Mahathir berkata sekiranya pilihan raya umum diadakan selepas Hari Raya Puasa, ini bermakna bulan Ramadan boleh diganggu oleh kegiatan kempen yang tidak diingini seperti fitnah-memfitnah serta maki hamun, bohong dan kabarkata kesat dilemparkan.

"Ini sangat tidak sesuai dengan bulan yang mulia itu," katanya.

-- LAGI --

su mai 10/11/99 16-44NST

**(Lampiran 1.d) “MCA Tampil 10 Peratus Muka Baru
Senarai Calon”**

Ling-Calon

NCA TAMPILKAN 10 PERATUS MUKA BARU DALAM SENARAI CALON

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- NCA akan menampilkan kira-kira 10 peratus muka baru dalam senarai calon dalam pilihan raya umum ke-10, kata Presidennya Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

Beliau berkata, senarai itu akan dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi Barisan Nasional (BN) dalam masa beberapa hari lagi untuk persetujuan.

"Sama ada profesional atau bijak, bijak mustahak, yang penting calon-calon ini adalah aktivis yang memberi perkhidmatan yang baik kepada rakyat," katanya ketika ditanya pemberita di pejabatnya di Kementerian Pengangkutan di sini.

Spesker Dewan Rakyat Tun Mohamed Zahir Ismail, mengumumkan petang ini pembubaran Parlimen berkualiti memuaskan.

Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata, sebahagian daripada mereka yang digugurkan kerana tidak menunjukkan prestasi yang baik sementara sebahagian lagi kerana ingin bersara.

Beliau berkata, kuota bilangan kerusi untuk NCA pada pilihan raya kali ini kekal cuma beberapa kerusi akan bertukar sesama parti komponen BN dan ia akan diputuskan oleh Pengerusi BN.

-- LAGI 10/11/93 16-20MST

"Beberapa kerusi yang akan kita pertimbangkan seperti kerusi wakil DAP yang telah menyertai kita .. kerusi yang ditandingi oleh komponen BN yang lain tetapi wakil DAP walaupun menyertai (NCA), oleh itu kita akan pertimbangkan kerusi semampai itu," katanya.

Dr Ling berkata, beliau akan menjelaskan mengenai perkara itu kemudian. NCA seperti parti-parti komponen BN yang lain katanya, telah bersedia sedia untuk pilihan raya ke-10 sejak tamat pilihan raya ke-9 pada tahun 1992 lagi.

Beliau yakin BN, yang telah menunjukkan rekod perkhidmatan yang baik, akan dipilih semula sebagai kerajaan dalam pilihan raya ini kerana rakyat perlukan sebuah kerajaan yang kukuh dan baik seperti yang telah dibuktikan oleh BN.

Menteri itu berharap semua pihak dalam BN akan berkerjasama untuk memastikan BN menang dengan majoriti yang besar pada pilihan raya ini kerana sebuah kerajaan yang kukuh diperlukan untuk membolehkan negara menghadapi dan mengatasi sebarang masalah.

Kerjasama BN telah membuktikan kemampuan menghadapi dan mengatasi masalah ekonomi yang melanda negara sejak 1992 dan ia adalah hasil sebuah kerajaan yang kukuh dan berultra.

Ditanya sama ada NCA yakin dapat mengatasi semua kawasan yang dimenangi pada pilihan raya 1995 beliau berkata: "Kita yakin oleh kerana kerjasama antara parti-parti komponen BN adalah kukuh, baik dan ini adalah asas yang utama".

-- LAGI 10/11/93 16-25MST

Kerjasama antara komponen BN tidak sama dengan kerjasama antara parti dalam barisan pembangkang yang kukur kacir dan tidak dapat bersejua antara satu sama lain dan sentiasa bergaduh.

"Apa yang mereka sebut setiap hari tak boleh bertahan lebih dari 24 jam, hari ini DAP boleh jadi Perdana Menteri, esok tak boleh lagi, lusa mungkin boleh semula," katanya.

Ditanya sama ada calon wanita NCA akan bertambah Dr Ling berkata: "Saya harap begitu, kita dapati ramai wanita telah menyertai NCA dan mereka telah meningkatkan peranan berulamanya dalam jawatankuasa-jawatankuasa sebagai wakil-wakil perwakilan pusat dan kaunselor-kaunselor tempatan.

Beliau berkata di Dewan Negara sekurang-kira 30 peratus Senator NCA adalah perempuan dan langkah ini akan menggalakkan lebih banyak wanita, berulamanya apabila mereka telah bertabit.

Ditanya sama ada beliau terperanjat dengan pembubaran Parlimen dan pilihanraya yang akan diadakan beliau berkata: "Perdana Menteri biasa membuat perkara-perkara yang menggejutkan tetapi analisis akhir mendapati beliau selalu betul, jadi beliau telah menyimpan perkara ini sebagai sebuah rahsia yang terkenal rapi."

"Memandangkan Samy Vellu (Menteri Kerje Raya yang juga Presiden MIC) berada di seberang laut, beberapa orang lain juga berada di seberang laut, mereka tidak tahu, jika mereka tahu mereka tidak akan pergi, sekarang mereka terpaksa bergegas pulang," katanya.

Beliau berkata rakyat menerima BN kerana mereka menyedari "Malaysia sememangnya boleh".

"Kita telah membina KLIA, sebuah lapangan terbang yang terbaik di dunia, kita telah membina LRT, tidak banyak negara di Asia yang mempunyai LRT, kita telah menganjurkan Sukan Komanwel, yang terbaik dalam sejarah.

Kita menganjurkan perlumbaan Formula One (F1), yang akan meletakkan Malaysia dalam peta perlumbaan dunia, dalam peta pelancongan dunia, kerana kira-kira 600 juta orang di seluruh dunia menyaksikan F1, katanya.

-- BERNAMA

AFY RI 10/11/93 16-33MST

**Lampiran 2: Transkrip kabel BERNAMA pada hari mengundi
29 November 1999**

**(Lampiran 2.a) “BN Menuju Untuk Perolehi Majoriti Mudah
Tetapi Terlepas Terengganu”**

SILEAD Pilihan raya "" BN MENUJU UNTUK PEROLEHI MAJORITI MUDAH TETAPI TERLEPAS 01:27:31 30 NOVEMBER 1999

LEAD Pilihan raya "" BN MENUJU UNTUK PEROLEHI MAJORITI MUDAH TETAPI TERLEPAS TERENGGANU

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) nampaknya men-
untuk memperolehi majoriti mudah untuk kembali berkuasa tetapi menerima
lamparan hebat apabila Terengganu dibawan oleh Parti Islam SeMalaysia
(Pas).

Daripada 31 kerusi yang diumumkan sehingga ini bagi 193 kerusi parlimen
BN memenangi 77, kurang 20 kerusi bagi memperolehi majoriti mudah sehingga
pukul 1 pagi.

DAF menerima kekalahan paling besar di kalangan parti-parti pembangkang
apabila dua pemimpin beringginya, Lim Kit Siang yang menjadi anggota
Parlimen selama 30 tahun, dan Karpal Singh, gagal mempertahankan kerusi
mereka.

Parti Keadilan Nasional (Keadilan), yang ditubuhkan awal tahun ini
mempunyai wakil dalam parlimen apabila presiden parti Datin Seri Wan Azizah
Ismail menang mudah di Perak yang kali terakhir disandang oleh
sukunnya Datuk Seri Anwar Ibrahim yang kini menjalani hukuman penjara.

Halaupun BN menyapu bersih 28 kerusi parlimen di Sarawak dan 17 darip-
20 kerusi di Sabah, dua daripada menteri Kabinetnya, Datuk Dr Abdul Hamid
Othman dan Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob menerima kekalahan.

-- LAGI 30/11/99 01-35WST

(Lampiran 2.b)

**“Mahathir Kekalkan Kerusi Parlimen
Kubang Pasu”**

76P/Raya-Mahathir (Menang) DR MAHATHIR KEMALKAN KERUSI PARLIMEN KUBANG PASU ALOR 3 01:47:37 30 NOVEMBER 1993

P/Raya-Mahathir (Menang)
DR MAHATHIR KEMALKAN KERUSI PARLIMEN KUBANG PASU

ALOR SETAR, 30 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengemalkan kerusi Parlimen Kubang Pasu bagi penggal ketujuh berturut-turut setelah menewaskan anggota jawatankuasa pusat PAS Subky Latif.

Dr Mahathir memenangi kerusi itu dengan majoriti 10,138 undi setelah mendapat 22,393 undi manakala Subky 12,261 undi pada pilihan raya umum ke-10 semalam.

Pejabat Suruhanjaya Pilihan Raya Negeri Kedah/Perlis mengeluarkan keputusan itu pada pukul 1.34 pagi ini.

Kubang Pasu mempunyai 45,925 pemilih. Sebanyak 78.62 peratus atau seramai 35,937 pemilih mengundi.

Terdapat 677 undi rosak.

-- LAGI

P/Raya-Mahathir (Menang) 2 Alor Setar

Dengan keputusan itu, bermakna Dr Mahathir kekal mempertahankan kerusi parlimen Kubang Pasu sejak 1974.

Pada pilihan raya 1985, Dr Mahathir memperolehi 24,425 undi bagi menewaskan calon PAS Ahmad Mohd Alim yang mendapat 7,269 undi dengan majoriti 17,226 undi.

Pada 1974, Dr Mahathir menang tanpa bertanding selepas PAS yang menjadi musuh tradisi UMNO meyerbai BN.

Pada pilihan raya 1978, Dr Mahathir menewaskan calon PAS, bekas setiausaha agung PAS Halia Anshah dengan majoriti 8,245 undi. Dr Mahathir mendapat 18,109 undi manakala Halia memperolehi 9,959 undi.

Pilihan raya 1982, menyaksikan peristiwa "luka lama berdarah kembali" apabila PAS meletakkan Presidennya Haji Yusof Rawa menentang Dr Mahathir di Kubang Pasu.

-- LAGI

P/Raya-Mahathir (Menang) 3 (Akhir) Alor Setar

Yusof Rawa pernah menampakan Dr Mahathir pada pilihan raya umum 1969 dengan majoriti 389 undi di kawasan Parlimen Kota Setar Selatan (di Kedah).

Begaimanapun pada 1982 giliran Dr Mahathir pula menampakan Haji Yusof Rawa dengan majoriti 15,761 undi.

Pada pilihan raya umum 1986 Dr Mahathir menundukkan calon PAS Dr Azizan Ismail di Kubang Pasu dengan majoriti 15,238 undi.

Pada 1990, Presiden Hamid Datuk Sudin Wahab yang mewakili Angkatan Perpaduan Ummah (APU) yang bertanding atas tiket Parti Melayu Semangat 46 pula menentang Dr Mahathir di Kubang Pasu.

Begaimanapun, Dr Mahathir menewaskan Sudin dengan majoriti 22,962 undi.

-- BERNAMA

HT JM NNO 30/11/93 01:55MST

**(Lampiran 2.c) “Wan Mokhtar Terima Kekalahan BN
Dengan Kesabaran”**

21P/Raya-Reaksi (Mokhtar) MAN MOKHTAR TERIMA KEKALAHAN BN DENGAN KESABARAN
CUKAI, 01:37:51 30 NOVEMBER 1999

P/Raya-Reaksi (Mokhtar)
MAN MOKHTAR TERIMA KEKALAHAN BN DENGAN KESABARAN

CUKAI, 30 Nov (Bernama) -- Pengerusi Barisan Nasional Terengganu Tan Sri Haji Man Mokhtar Ahmad berkata beliau menerima kekalahan BN kepada PAS di negeri ini pada pilihan raya umum semalam dengan penuh kesabaran.

"Kita tak tahu sebab kekalahan itu, tetapi saya terima kekalahan itu dengan penuh kesabaran kerana semuanya berpulang kepada rakyat yang menentukan," katanya ketika ditemui di kediamannya.

Man Mokhtar sendiri gagal mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Cukai. Beliau memperolehi 6,128 undi manakala calon PAS Awang Jusoh, 6,564 undi.

Apabila ditanya tentang faktor kekalahan BN, beliau berkata: "Saya tak tahu faktor kekalahan kerana BN yakin dengan apa yang sudah dilakukannya."

Bagaimanapun, katanya, beliau menerima keputusan rakyat yang membuat perubahan itu kerana negara mengamalkan sistem demokrasi.

-- LAGI

P/Raya-Reaksi (Mokhtar) 2 (Akhir) Cukai

Katanya, BN akan membuat kajian mengenai kekalahan itu dan berharap kerajaan baru dapat memenuhkan janji-janji seperti menghapuskan cukai.

Beliau berharap calon-calon BN yang kalah tidak berduka cita kerana mungkin ada kebaikan di sebaliknya kekalahan itu.

"Terimalah keputusan itu dengan hati terbuka, dan bagi saya, saya akan terus memberi sokongan kepada BN," katanya.

Man Mokhtar juga berkata beliau berpuas hati dengan jentera BN yang mempunyai semangat tinggi tetapi Allah sahaja yang menentukan keputusan.

-- BERNAMA

SFA MNO 30/11/99 01-45XST

(Lampiran 2.d)

**"Wan Azizah Menang Majoriti Luar
Jangkaan di Permatang Pauh"**

01Raya-Man Azizah MAN AZIZAH MENANG MAJORITI LUAR JANGKAAN DI PERMATANG PAUH EUK 00:40:55 30 NOVEMBER 1993

P/Raya-Man Azizah
MAN AZIZAH MENANG MAJORITI LUAR JANGKAAN DI PERMATANG PAUH

SUKIT MEPTAGAN, 29 Nov (Bernama) - Presiden Parti Keadilan Nasional Datuk Seri Dr Man Azizah Man Ismail memenangi kerusi Parlimen Permatang Pauh dengan majoriti di luar jangkaan mengalahkan calon Barisan Nasional (BN) Datuk Dr Ibrahim Saad dengan kelebihan sebanyak 3,077 undi.

Walaupun pertandingan kerusi Parlimen di situ memang dianggap sebagai paling sengit, namun para pemerhati politik sebelum ini menjangka majoriti tidak lebih dari 1,000 undi kepada mana-mana pihak.

Man Azizah, isteri bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Sabri, Saad Suli; Anwar memperoleh 14,743 undi.

Man Azizah sendiri agak berkejut dengan keputusan itu dan menyifatkan majoritinya sebagai di luar jangkaan.

Parlimen itu sebelum ini dimenangi oleh Anwar dengan majoriti 23,515 undi.

Kawasan Parlimen Permatang Pauh juga menyaksikan kekalahan calon BN di Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Permatang Pasir Datuk Ahmad Saad kepada calon Pas Mohd Hamdan Abdul Rahman.

-- LARI 30/11/93 00:56NST

(Lampiran 2.e)

**“Kalah Belum Bererti Kerjaya Politik
Sudah Berakhir, Karpal”**

6<J00HAFI fetched File D:\net\NHL\DKALAH04700 30 November 1993:40 AM
I:\ANTRONING\GN\GNMS6675 3P/Raya-DAP (Karpal) KALAH BELUM BERERTI KERJAYA
POLITIK SUDAH BERAKHIR, KARPAL P 03:30:02 30 NOVEMBER 1993

P/Raya-DAP (Karpal)
KALAH BELUM BERERTI KERJAYA POLITIK SUDAH BERAKHIR, KARPAL

PULAU PINANG, 30 Nov (Bernama) -- Pengerusi DAP Pulau Pinang, Karpal Singh berkata kerjaya politik beliau belum berakhir walaupun mengalami kekalahan di Parlimen Jelutong, yang disandangnya sejak lima penggal lalu pada pilihan raya umum semalam.

Katanya, beliau menerima kekalahan itu sebagai keputusan daripada pengundi di kawasan parlimen itu dan tidak menganggap mereka sebagai pengkhianat kerana pengundi berhak menentukan siapa wakil rakyat mereka.

Karpal, seorang peguam, kalah kepada muka baru daripada parti Gerak Lee Kah Choon, juga peguam, dengan majoriti 775 undi.

Karpal berkata, beliau bertekad untuk meneruskan perjuangan dalam parlimen dan tidak akan berputus asa sehingga mahu menamatkan kerjaya politiknya.

"Dalam politik kita harus bersedia untuk menerima sebarang kekalahan," katanya kepada pemberita selepas pengumuman keputusan pilihan raya bagi kawasan parlimen Jelutong di sini hari ini.

Ketika ditanya mengenai kekalahan DAP di kebanyakan kawasan di seluruh negeri ini, beliau berkata, pucuk pimpinan DAP akan menjalankan post mortem bagi mengetahui sebab kekalahan DAP itu, dan sama ada ia berkaitan dengan penggabungan parti itu dengan parti PAS.

Karpal juga tidak menidak kemungkinan akan bertanding lagi di kawasan parlimen itu pada pilihan raya akan datang.

-- BERNAMA

NET_MNO 30/11/93 03:37NST

(Lampiran 2.f) “Kemenangan Bukti BN Masih Populer”

Mahathir-Majoriti KENANGAN BUKTI BN MASIH POPULAR, KATA MAHATHIR KUALA LUMPUR, 03:46:11 30 NOVEMBER 1999

Mahathir-Majoriti
KENANGAN BUKTI BN MASIH POPULAR, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir berkata kemenangan Barisan Nasional (BN) dengan majoriti lebih dua per tiga pada pilihan raya umum ke-10 membuktikan yang populariti BN masih tinggi.

"BN berjaya memenangi 143 kerusi parlimen, iaitu satu jumlah yang melebihi jumlah kerusi parlimen yang dimenangi pada pilihan raya umum 1995 sebanyak 132 kerusi," kata beliau pada persidangan berita di Pusat Dagang Dunia Putra (PWTC) sebaik sahaja BN diumumkan memperolehi lebih daripada dua per tiga daripada jumlah kerusi di Dewan Rakyat.

Katanya walaupun angka 143 kerusi parlimen itu tidak rasmi, ia merupakan satu kemenangan yang besar.

-- LAGI 30/11/99 03-53NST

Mahathir-Majoriti 2 Kuala Lumpur KENANGAN BUKTI BN MASIH POPULAR -2 D Mahathi 04:15:06 30 NOVEMBER 1999

Mahathir-Majoriti 2 Kuala Lumpur
KENANGAN BUKTI BN MASIH POPULAR -2

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN dan Presiden Umno, memulakan persidangan berita itu dengan berkata: "Saya dengan penuh kesyukuran dan gembiranya mengistiharkan bahawa BN telah mendapat kemenangan majoriti lebih daripada dua pertiga."

Pengumuman beliau itu disambut dengan sorakan "Hidup Mahathir" dan "Hidup BN" oleh lebih 200 orang tetamu BN yang dijemput untuk mengikuti perkembangan keputusannya pilihan raya umum.

Ketika Dr Mahathir membuat pengumuman itu pada pukul 3 pagi ini, BN secara rasmi telah memenangi 131 kerusi Parlimen.

Katanya, pada pilihan raya umum yang lalu, walaupun BN memenangi 132 kerusi Parlimen tetapi angka itu telah bertambah kepada 162 kerusi berikutan penyerahan anggota Parlimen dari Parti Melayu Semangat 46 ekoran pembubarannya.

"Jelas bahawa bagi pilihan raya umum pada tahun 1999 ini BN telah membuktikan bahawa popularitinya masih tinggi iaitu mendapat 143 kerusi Parlimen," kata beliau.

-- LAGI 30/11/99 04-22NST

Mahathir-Majoriti 3 Kuala Lumpur KEMENANGAN BUKTI BN NASIH POPULAR -3 Dr Mahathir 04:39:53 30 NOVEMBER 1999

Mahathir-Majoriti 3 Kuala Lumpur KEMENANGAN BUKTI BN NASIH POPULAR -3

Dr Mahathir berkata BN juga telah berjaya menawan semula semua negeri kecuali Terengganu dan Kelantan pada pilihan raya umum ini.

"Yang lain (negeri-negeri yang ditawan semula oleh BN), kita dapat kemenangan majoriti lebih daripada dua pertiga," kata beliau.

Perdana Menteri juga berkata buat pertama kalinya, pilihan raya umum menyaksikan kekalahan "jaguh-jaguh parti lawan" iaitu Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang dan Timbalan Pengerusi DAP Karpal Singh di Pulau Pinang.

Lir kalah kepada calon BN Chia Kwang Chye untuk kerusi Parlimen Bukit Bendera manakala Karpal gagal mempertahankan kerusi Parlimen Jelutong selepas kalah kepada muka baru daripada parti Gerakan, Lee Kah Choon.

Ketika ditanya mengapa Lim dan Karpal kalah, Dr Mahathir berkata beliau percaya mereka tidak dapat membuktikan "kegunaan" mereka sebagai anggota Parlimen.

-- LAGI

Mahathir-Majoriti 4 Kuala Lumpur

"Perbahasan mereka di Dewan Rakyat tidak berguna. Saya rasa sebab itulah mereka ditolak," kata Dr Mahathir.

Ditanya mengenai kekalahan banyak tokoh Umno pada pilihan raya umum ini, Dr Mahathir berkata: "Demikian juga dalam parti-parti lawan. Kita tak hilang jaguh-jaguh kita."

"Saya menang," kata beliau, diikuti dengan sorakan oleh para hadirin.

Dr Mahathir berkata Kabinet baru akan dibentuk selepas "dikaji senarai rasmi mengenai siapa yang menang."

Empat orang Menteri Kabinet gagal memenangi kerusi Parlimen pada pilihan raya umum ini.

Mereka ialah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ewai Pengguna Datuk Seri Megat Juid Megat Ayub, Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Othman dan Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa.

-- LAGI 30/11/99 04-47XST

Mahathir-Majoriti 5 Kuala Lumpur KEMENANGAN BUKTI BN NASIH POPULAR -5 Dr Mahathir 05:26:16 30 NOVEMBER 1999

Mahathir-Majoriti 5 Kuala Lumpur KEMENANGAN BUKTI BN NASIH POPULAR -5

Dr Mahathir juga berkata BN akan menubuhkan kerajaan di negeri-negeri yang dimenangkinya "secepat mungkin".

Mengenai kemenangan Presiden Parti Keadilan Nasional Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail di Parlimen Peringkat Pasuk, Dr Mahathir berkata beliau percaya ia kerana simpati orang ramai terhadap Wan Azizah.

Wan Azizah adalah isteri bekas Timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang mewakili kawasan itu sebelum ini.

"Saya rasa banyak orang akan bersimpati apabila melihat seseorang pergi dengan anaknya dan menang (pada perjumpaan politik). Saya boleh faham perasaan orang ramai. Saya rasa orang ramai wajar berperasaan begitu.

"Tetapi persoalannya ialah sama ada beliau dapat memberi sumbangan.

Ketika ditanya mengenai peranan PAS yang dijangka menjadi ketua pembangkang dalam Dewan Rakyat, Dr Mahathir berkata: "Tak ada apa. Cuma maki hamun."

-- LAGI

Mahathir-Majoriti 6 (akhir) Kuala Lumpur

Kepada satu soalan, Dr Mahathir mengakui bahawa majoriti perngundi Cina memberi sokongan mereka kepada BN.

"Saya rasa orang Cina menghargai apa yang dilakukan oleh kerajaan terhadap mereka terutama bagi mengatasi masalah kewangan.


Pada perbandingan berita itu yang turut dihadiri oleh wartawan asing, seorang penyokong BN meminta Dr Mahathir supaya menasihatkan media asing "berhenti menulis perkara-perkara yang buruk mengenai Malaysia."

Sebab bersenyam, Dr Mahathir berkata: "Adalah menjadi kebebasan akhbar saya ada hendak berkecap bngong atau tidak.

-- BERNAMA

ES NNOHNS 30/11/99 05-33NST

Lampiran 3: Struktur Organisasi Berita Harian Sdn Bhd



UNIT FOTO

BERITA HARIAN

GRAFIK

JORAN

ADA

CITRA

ANJUNG SERI

HARIAN METRO

EDITORIAL

BERITA MINGGU

MEJA BERITA

EKONOMI

LAPORAN KHAS RENCANA

WANITA & KELUARGA

WILAYAH

HIBURAN

KOMPUTER & TEKNOLOGI

MEJA AM

MANJA ISMAIL

(KETUA PENGARANG BERITA BH/BM)

MUSTAPHA OMAR

(PENGARANG BERITA)

MANFAR ALI

NORDIN MOHAMED

ABDUL RAHIM ZAIN

MOHD KAMAL AHAMAD

(PENOLONG PENGARANG BERITA)

NORHAYATI MOHD SAID

28 WARTAWAN

**Lampiran 4: Keratan Akhbar *Berita Harian* pada hari
pembubaran Parlimen 10 November 1999**

**(Lampiran 4.a) “Parlimen dibubar hari ini, SPR Umum hari
penamaan calon dan pengundian esok”**

SPR umum hari penamaan calon, pembuangan undi esok

Parlimen dibubarkan hari ini

11 NOV 1999
PUTRAJAYA, Rabu - Parlimen dan Dewan-dewan Undangan Negeri di Semenanjung dibubarkan esok bagi membolehkan pilihan raya umum kesepuluh diadakan.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan bermesyuarat Jumaat ini bagi menetapkan hari penamaan calon dan tarikh pembuangan undi.

Pengumuman pembubaran Parlimen kesembilan itu dibuat oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam sidang akhbar khas di sini petang ini, selepas beliau mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, pagi tadi.

Perlembagaan menetapkan pilihan raya umum mesti diadakan dalam tempoh 60 hari selepas Parlimen dibubarkan. Bagaimanapun, tiga pilihan raya umum sebelum ini diadakan dalam tempoh 16 hingga 20 hari dari tarikh pembubaran Parlimen.

Perisytiharan pembubaran Parlimen oleh Yang di-Pertuan Agong dibacakan oleh Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tun Mohd Zahir Ismail, ketika sesi petang bermula pada 2.30 petang ini.

Serentak itu, sesi persidangan Dewan Rakyat kali ini, yang bermula 14 hari lalu dan sedang membahaskan Belanjawan 2000, ditangguhkan apabila ahli sebulat suara meluluskan usul pembubaran Parlimen kesembilan.

Zahar juga turut memaklumkan pembubaran itu kepada Pengerusi SPR, Datuk Omar Hashimi. Ini adalah kali pertama Parlimen dibubarkan ketika Dewan Rakyat bersidang.

Pagi tadi, Perdana Menteri dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menghadap Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara, bagi mendapatkan perkenan Seri Paduka.

Dr Mahathir berkata, beliau sudah menasihatkan kerajaan-kerajaan negeri membubarkan Dewan Undangan Negeri esok.

"SPR yang juga sudah diumumkan, akan menentukan hari penamaan calon dan hari pembuangan undi," katanya.

Penggal lima tahun Parlimen sekarang berakhir Jun depan tetapi spekulasi mengenai pilihan raya umum diadakan lebih awal bermula sejak tahun lalu. Andaiian itu hampir pasti apabila Dr Mahathir membatalkan kehadirannya di Persidangan Ketua Kerajaan Komanwel di Afrika Selatan malam tadi.

Semamai 9.7 juta pengundi berdaftar layak mengundi pada pilihan raya umum kali ini bagi memilih 193 ahli Parlimen dan 394 ahli Dewan Undangan Negeri di Semenanjung.

Pilihan raya Dewan Undangan Sarawak dan Sabah diadakan berasingan. Pilihan raya negeri Sabah diadakan Mac lalu, manakala Sarawak hanya perlu mengadakan pilihan raya pada tahun 2001.

Pada pilihan raya umum 1995, Barisan Nasional (BN) memenangi 162 kerusi Parlimen, manakala pembangkang mendapat 30 kerusi. Di peringkat negeri, BN memenangi 338 kerusi, manakala 56 lagi dikuasai pembangkang.

B. H. I.
 Bagaimanapun, jumlah kerusi Parlimen BN meningkat kepada 166, antaranya ekoran kemasukan anggota pembangkang. Begitu juga di dewan undangan negeri, jumlah kerusi BN bertambah kepada 349, sebahagian besarnya daripada bekas anggota S46 yang menyertai Umno.

Dalam sidang akhbar yang penuh sesak dan turut dihadiri pemimpin parti-parti komponen BN itu, Dr Mahathir berkata, keputusan itu dibuat bagi membolehkan pilihan raya diadakan sebe-

hari ini

lum Ramadhan, sekali gus mengelak kegiatan kempen yang boleh mencemar kesucian bulan puasa.

"Kita mulanya fikir patut adakan pilihan raya selepas raya tetapi kita dapati kalau adakan pilihan raya lepas raya, bermakna selepas puasa. Maka sepanjang bulan puasa, akan ada kegiatan yang tidak baik."

Waktu itu, orang Islam yang ingin membuat ibadat puasa, sembahyang, akan diganggu pihak tertentu yang akan cuba menggunakan masjid, surau, tempat-tempat ibadat yang lain untuk berkempen.

11 NOV 1999
 "Dan dalam kempen ini mungkin ada perkataan yang kesat, fitnah, pembongkaran dibuat, maki baman dan mencarut."

"Ini amat tak sesuai dengan bulan puasa. Selain itu, kita juga khawatir ada pihak tertentu yang akan cuba menggagalkan pilihan raya ini dengan mengadakan demonstrasi dan rusuhan terutama apabila mereka dapati mereka tidak boleh menang," katanya.

Menjawab satu soalan, Dr Mahathir menegaskan, pilihan raya adalah satu urusan 'serius' dan BN menghadapinya bagi menentukan siapa yang akan membentuk kerajaan.

"Saya menghadapi pilihan raya bukan untuk menguji populariti saya berbanding sebarang parti,"
 "Pilihan raya adalah satu urusan yang serius dan kita hadapi pilihan raya untuk menentukan siapa yang akan membentuk kerajaan."

"Saya tidak kisah sama ada saya popular atau tidak. Apa yang penting ialah negara ini mendapat sebuah kerajaan yang baik."

B. H. I.
 Beliau yakin BN akan berjaya mengekalkan majoriti dua pertiga pada pilihan raya kali ini.

"Saya bukannya ingin mendapat apa-apa untuk diri saya."

"Saya ingin berusaha untuk negara ini dan saya tidak kisah sama ada saya tercatat dalam sejarah sebagai seorang yang baik atau jahat."
 "Yang penting ialah apa yang dicapai untuk negara ini oleh kerajaan BN," katanya.

(Lampiran 4.b) “9.7 juta pengundi layak memilih”

Lebih 9.56 juta mengundi hari ini

29 NOV 1999

Oleh Kadik Dikon

KUALA LUMPUR, Abad - Lebih 9.56 juta rakyat Malaysia yang layak mengundi akan menggunakan hak demokrasi mereka esok, ketika Barisan Nasional (BN) bersedia kembali menerajui negara ke alaf baru selepas pilihan raya umum ke-10 ini.

BN yang menggabungkan 14 parti komponen, dijangka tidak menghadapi masalah untuk membentuk kerajaan, walaupun pakatan pembangkang berusaha keras menafikan gabungan pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad daripada mendapat majoriti dua pertiga di Parlimen.

B. H.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)

membuka 6,931 pusat mengundi membabitkan 17,722 saluran. Pusat itu dibuka mulai jam 8 pagi hingga 5.30 petang esok di Semenanjung, manakala pengundi di Sarawak dan Sabah, yang cuma mengundi bagi kerusi Parlimen, bermula jam 7.30 pagi hingga 5 petang.

Dengan itu, 9,564,071 pemilih bukan saja akan menentukan nasib 426 calon yang merebut 192 kerusi Parlimen dan 812 calon bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN), malah menjadi hakim untuk menentukan penubuhan sebuah kerajaan alaf baru bagi tempoh lima tahun akan datang.

BN melalui calonnya, Douglas Ugah Embas, memenangi satu kerusi Parlimen tanpa bertanding, iaitu di Betong, Sarawak, pada hari penamaan calon 20 November lalu. BN turut memenangi satu kerusi DUN tanpa bertanding iaitu di Tangkak, Johor.

Buat pertama kali dalam sejarah negara, pengundian akan dijalankan hanya satu hari di Sabah dan Sarawak, sama seperti di Semenanjung.

Undi pos yang jumlahnya 235,000 dijangka diterima sebelum jam 5 petang esok. Proses pengiraan undi akan bermula jam 6 petang.

Pengerusi SPR, Datuk Omar Mohd

Hashim, berkata keputusan pertama dijangka diketahui pada jam 8.30 malam esok dan akan berterusan, kemungkinan sehingga jam 4 pagi. Pengumuman setiap keputusan itu akan disiarkan melalui radio dan televisyen.

Mana-mana parti yang mendapat 97 kerusi Parlimen sudah berjaya membentuk kerajaan dengan majoriti mudah dan bagi mencapai majoriti dua pertiga, gabungan parti perlu menang 129 kerusi.

29 NOV 1999

Tempoh kempen sejak sembilan hari lalu, berakhir jam 12 tengah malam ini. Pada pilihan raya umum lalu, 427

calon bertanding dengan 11 daripadanya menang tanpa bertanding, semuanya daripada BN. Jumlah calon itu termasuk 42 calon bebas. Calon lain mewakili tujuh parti politik.

BN memenangi 162 daripada 192 kerusi Parlimen yang ditandingi dengan memperoleh 3,894,871 undi atau 45 peratus undi popular.

B. H.

Kali ini, Umno akan bertanding di 104 kerusi Parlimen, diikuti MCA (35), MIC (tujuh), Gerakan (10), PBB (10), SUPP (enam), PBDS (enam), UPKO (empat), Snap (lima), SAPP (tiga), PBRIS (satu), LDP (satu) dan seorang calon langsung BN iaitu tanpa parti

bertanding bagi kerusi baru Membong di Sarawak.

Bagi pembangkang, Pas pula bertanding di 63 kerusi Parlimen, Keadilan (59), DAP (47), PBS (17), MDP (11), Star (lima), PRM (empat), Akim dan Berjasa, masing-masing satu serta 28 calon bebas.

BN juga bertanding di semua 393 kerusi DUN diketuai Umno (275), MCA (77), MIC (15) dan Gerakan (27). Bagi kerusi DUN yang ditandingi pembangkang, Pas bertanding di 235 kerusi, DAP (88), Keadilan (69), MDP (sembilan), PRM (tiga), Akim (satu) dan 14 calon bebas.

Lampiran 5: Keratan akhbar Berita Harian pada hari mengundi 29 November 1999

“BN dapat lebih dua pertiga. Pas bentuk kerajaan negeri Kelantan dan Terengganu”

KEPUTUSAN MUTAKHIR KERUSI PARLIMEN PILIHAN RAYA UMUM 1999

 Barisan Nasional (BN) 149	 Parti Islam SeMalaysia (Pas) 25	 Parti Tindakan Demokratik (DAP) 8	 KeADILan 5	 Parti Rakyat Malaysia (PRM) -	 Parti Bersatu Sabah (PBS) 3
 Barisan Jemaah Islamiah SeMalaysia (BERSAMA) -	 Parti Angkatan Insan Malaysia (AKIM) -	 MOP -	 STAR -	BEBAS BEBAS -	

Pas bentuk kerajaan negeri Kelantan

Terengganu

BN dapat lebih dua pertiga

30 NOV 1999

KUALA LUMPUR: Barisan Nasional (BN) sekali lagi mengekalkan majoriti dua pertiga di Dewan Rakyat apabila memenangi 149 kerusi Parlimen dalam pilihan raya umum ke-10, awal pagi ini.

Bagaimanapun, Pas menguasai dua negeri iaitu Kelantan dan Terengganu serta mengukuhkan kedudukannya di Dewan Rakyat, apabila memenangi 25 kerusi Parlimen setakat 3.30 pagi, berbanding tujuh kerusi pada 1995.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengekalkan kerusinya di Kubang Pasu, menewaskan calon Pas, Subky Latiff dengan majoriti 10,138 undi, manakala timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menang di Kepala Batas dengan majoriti 11,175 undi.

DAP, walaupun dapat mempertahankan kedudukannya dengan memenangi lapan daripada 47 kerusi Parlimen setakat ini, kehilangan tiga tokohnya - Setiausaha Agung, Lim Kit Siang; Pengerusi, Dr Chen Man Hin dan Timbalan Pengerusi, Karpal Singh.

Lim dan Karpal tewas di kerusi Parlimen dan DUN di Pulau Pinang, manakala Chen kalah di kerusi Parlimen dan DUN di Negeri Sembilan. DAP hanya menang satu kerusi DUN di Pulau Pinang.

Parti KeADILan Nasional (KeADILan) yang bertanding di 59 kerusi Parlimen hanya me-

nang lima kerusi setakat jam 3 pagi ini. Presidennya, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail menang di Permatang Pauh, menewaskan Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Dr Ibrahim Saad dengan majoriti 9,077 undi.

Pada sidang akhbarinya di Bilik Gerakan BN di sini pagi ini, Dr Mahathir mengucapkan terima kasih kepada pengundi kerana sekali lagi memberi kepercayaan kepada BN.

Sambil menyatakan-Kabinet baru akan dibentuk setelah dikaji keputusan rasmi mengenai siapa yang menang dan kalah, beliau menegaskan BN akan memenuhi segala janji dalam manifestonya serta terus berusaha membangunkan negara dan menebus maruah bangsa.

Dr Mahathir juga menyifatkan kekalahan BN di Terengganu dan kegagalan merampas Kelantan daripada Pas sebagai proses demokrasi "di mana ada kemenangan, di situ ada kekalahan".

Turut mengejutkan kali ini ialah kekalahan beberapa menteri iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayub; Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustafa Mohamed; dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa.

Keputusan di luar dugaan berlaku di Terengganu apabila Pas memenangi 18 daripada 32 kerusi DUN, yang membolehkan parti itu membentuk kerajaan negeri dengan majoriti dua pertiga.

Kebanyakan pemimpin kanan Bersatu tewas termasuk Menteri Besar Wan Mokhtar Ahmad, yang menang di Sarawak, tetapi BN berjaya membentuk kerajaan di Johor, Pahang, Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

Sabah dan Sarawak menyumbangkan 48 kerusi Parlimen. Di Sarawak menang semua 28 kerusi Parlimen Sabah memenangi 17 daripada 20 kerusi.

Selain menubuhkan kerajaan negeri di Terengganu, Pas memenangi banyak kerusi DUN di Kedah dan Perlis.

Setakat jam 3.30 pagi ini, BN meraih semua 28 kerusi Parlimen di Sarawak, 32 kerusi DUN di Negeri Sembilan dan 17 kerusi Parlimen menjadikannya 30 NOV 1999

Parti Bersatu Sabah (PBS) hanya meraih tiga kerusi Parlimen berbanding belum ini.

Di JOHOR, BN menubuhkan kerajaan selepas memperoleh kemenangan tiga menerusi 31 daripada 40 kerusi.


nakala BN memperoleh kemenangan 20 kerusi Parlimen.

Di MELAKA, BN menguasai 17 daripada 25 kerusi DUN sehingga jam 11.30 malam. Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk V. Ali Rustam yang disebut-sebut baka Ketua Menteri, menang kerusi DUN dan satu menewaskan calon DAP, Loh A. BN memulakan cabaran kali ini dengan menang satu kerusi DUN iaitu Tangkal

bersama

Lampiran 6: Cartar Organisasi Reuters Malaysia/Brunei

RTV	1
Field Maint	16
Database	2
Rak Mgt	1
Selling	7
Helpdesk	5
Client Adm	2
Finance	4
G Admin	3
G Mgt	1
	56



** Retainer/Secondment - not considered as headcount

indicates Singapore Staff

* indicates staff in Penang

**Lampiran 7: Transkrip kabel Reuters pada hari pembubaran
Parlimen 10 November 1999**

(Lampiran 7a) Focus “Snap Poll Loom In Malaysia”

80-MALAYSIA-MAHATHIR 3RDLD (PICTURE) 13:20:48 10 NOVEMBER 1999

FOCUS-Snap polls loom in Malaysia
(Updates with news conference, para 4; recasts)

By Young Chee Meng

KUALA LUMPUR, Nov 10 (Reuters) - Malaysian Prime Minister Mahathir Mohamed on Wednesday looked certain to dissolve parliament ahead of snap general elections seen as his toughest since winning power in 1981.

